

281
49/79

UCAPAN YANG AMAT BERTHORMAT DATUK HUSSEIN ONN,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN YANG DIPERTUA,
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA DI UPACARA PENYAM-
PAIAN HADIAH KEPADA PEMENANG-PEMENANG PERADUAN
KARANGAN SEJARAH MALAYSIA 1974 DI DEWAN SEMINAR,
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR, PADA
HARI JUMA'AT 20HB. DISEMBER, 1974 JAM 10.00
PAGI.

- 2 -

2. PERHATIAN SELURUH KITA, DALAM TERMIN
YANG SINGKAT INI TELAH MERUPAI BANYAK KELUHAN
TUAN Pengerusi dan

AHLI-AHLI JAWATANKUASA KERJA PERSATUAN SEJARAH
MALAYSIA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN.

SAYA MERASA SUKACITA KERANA DAPAT HADIR
BERSAMA-SAMA DALAM MAJLIS INI SERTA DAPAT PULA
MEMBERI SEPATAH DUA KATA, DAN SETERUSNYA
MENYAMPAIKAN HADIAH KEPADA PEMENANG-PEMENANG
PERADUAN KARANGAN SEJARAH MALAYSIA KALI INI.

2. PERSATUAN SEJARAH KITA, DALAM TEMPUH YANG SINGKAT INI TELAH MENCAPAI BANYAK KEJAYAAN BERKAT KERJASAMA YANG KUAT DARI AHLI-AHLI JAWATANKUASA SERTA JUGA AHLI-AHLI SEKALIAN. DALAM HUBUNGAN INI, SAYA SUKACITA MENGUMUMKAN BAHAWA EMPAT CAWANGAN, BARU PERINGKAT DAERAH IAITU DI PORT DICKSON, KUALA PILAH, BATANG PADANG DAN MUAR TELAH PUN DITUBUHKAN TAHUN INI. PAGI ESOK, PENUBUHAN CAWANGAN PERINGKAT KAWASAN KOTA TINGGI AKAN DILANCARKAN. PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA SEKARANG MEMPUYAI 13 BUAH CAWANGAN PERINGKAT NEGERI, DAN 11 CAWANGAN PERINGKAT DAERAH, DAN SERAMAI LEBIH KURANG 1,000 ORANG AHLI DI SELURUH NEGARA.

3. DENGAN RAMAINYA PEMINAT-PEMINAT SEJARAH YANG BESAR INI, BANYAKLAH PROJEK SEJARAH DAN KEBUDAYAAN NEGARA KITA DAPAT KITA PERKAYAKAN DENGAN CARA YANG LEBIH BERKESAN DAN MENDALAM, DI SEMENANJUNG MALAYSIA, SARAWAK DAN SABAH. BARU-BARU INI, PERSATUAN KITA TELAH MENERBITKAN BUKU TEMPAT-TEMPAT BERSEJARAH DI SEMENANJUNG MALAYSIA. SAYA SUKACITA KERANA JUALANNYA SANGAT LARIS. DARIPADA 5,000 NASKHAH YANG DITERBITKAN, HANYA TINGGAL BAKI 300 NASKHAH SAHAJA. EDISI KEDUA SEDANG DALAM PERSEDIAAN DAN AKAN DICITAK TAHUN HADAPAN. KELUARAN PERTAMA MAJALAH MALAYSIA IN HISTORY BAGI TAHUN 1974 TELAH PUN DITERBITKAN DAN KELUARAN KEDUA SEDANG DICITAK.

4. TUAN-TUAN SEKALIAN.

UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH 1974 PADA PAGI INI IALAH UNTUK PERADUAN KARANGAN SEJARAH MALAYSIA YANG KETIGA, SEMENJAK KITA ADAKAN PERADUAN DENGAN CARA MELIBATKAN SEMUA NEGERI DI MALAYSIA INI. LAZIMNYA, TAJUK-TAJUK BAGI PERADUAN KARANGAN SEJARAH, DIUMUMKAN PADA BULAN APRIL ATAU BULAN MEI TIAP-TIAP TAHUN. TETAPI TAJUK PERADUAN KARANGAN SEJARAH MALAYSIA YANG KE EMPAT BAGI TAHUN 1975 AKAN DIUMUMKAN LEBIH AWAL IAITU PADA HARI INI JUGA. DENGAN LANGKAH INI, PELAJAR-PELAJAR SERTA PEMINAT SEJARAH DAPAT MENGGUNAKAN MASA CUTI Hujung TAHUN DAN CUTI PENGGAL PERTAMA UNTUK MEMBUAT PERSEDIAAN YANG MENDALAM BAGI MENGHASILKAN KARYA YANG BERMUTU TINGGI.

5. TAJUK-TAJUK BAGI PERADUAN KARANGAN BAGI TAHUN 1975 ADALAH SEPERTI BERIKUT:

BAHAGIAN PERTAMA: UNTUK UNIVERSITI DAN YAYASAN
PELAJARAN TINGGI MENGANDUNGI
ANTARA (2,000 - 3,000 PERKATAAN)

PILIHAN SATU PERANAN PAKAR-PAKAR SEJARAH DALAM
PEMBANGUNAN NEGARA.

PILIHAN DUA MASALAH-MASALAH DALAM PENULISAN
SEJARAH TEMPATAN.

BAHAGIAN KEDUA UNTUK MAKTAB PERGURUAN DAN TINGKATAN VI
MENGANDUNGI ANTARA (1,500-2,000
PERKATAAN)

PILIHAN SATU SEJARAH SUKAN TRADISIONAL.

PILIHAN DUA SEJARAH TANAH AIR MENGGAMBARAKAN
KEPERIBADIAN MASYARAKAT MALAYSIA.

BAHAGIAN KETIGA: UNTUK TINGKATAN IV DAN V

MENGANDUNGI ANTARA (1,000 -
1,500 PERKATAAN)

PILIHAN SATU SEJARAH KOTA/ISTANA/BANGUNAN

PILIHAN DUA RIWAYAT HIDUP SEORANG PEMIMPIN
DI MALAYSIA.

6. PERATURAN DAN SYARAT PERADUAN ADALAH SAMA SEPERTI TAHUN 1974. TARIKH PENUTUP BAGI PERINGKAT TINGKATAN IV, V, VI DAN MAKTAB PERGURUAN IALAH 14HB. JUN, 1975 DAN TARIKH PENUTUP BAGI PERINGKAT UNIVERSITI DAN YAYASAN TINGGI IALAH 14HB. JULAI, 1975.

7. DALAM UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH TAHUN
LALU, SAYA TELAH MENGESYORKAN SUPAYA SEMUA CAWANGAN
NEGERI PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA MENGADAKAN MINGGU
SEJARAH. SUKACITA SAYA DAPATI BAHAWA CAWANGAN-
CAWANGAN TELAH PUN MENYELENGGARAKAN MINGGU SEJARAH
ITU DENGAN JAYANYA. SAYA BERHARAP PADA TAHUN HADAPAN
SELAIN DARIPADA MENGANJURKAN MINGGU SEJARAH,

CAWANGAN PERINGKAT NEGERI DAN PERINGKAT KAWASAN DAPAT
MELANCARKAN PROJEK LAIN SEPERTI RAKAMAN PITA (TAPE-
RECORDING) TRADISI LISAN, MUZIK TRADISIONAL DAN JUGA
WAWANCARA DENGAN ORANG-ORANG TUA YANG BERUMUR ANTARA
50 TAHUN DENGAN 80 ATAU 90 TAHUN KE ATAS YANG BOLEH
MENCERITAKAN MENGENAI SEJARAH TEMPATAN. HASIL RAKAMAN
ITU SAYA SYORKAN BOLEHLAH DISIMPAN DALAM PERPUSTAKAAN
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA DAN JUGA DI ARKIB NEGARA
UNTUK KEGUNAAN ORANG RAMAI.

8. DALAM HUBUNGAN INI, SAYA PERCAYA TENTULAH ADA SYARIKAT SERTA FIRMA YANG BERNIAGA ALAT-ALAT RAKAMAN AKAN MENGHADIAHKAN ALAT-ALAT SEPERTI CASSETTE-RECORDERS DAN CASSETTES, KEPADA CAWANGAN-CAWANGAN PERSATUAN KITA SEBAGAI TANDA PENGHARGAAN TERHADAP USAHA MEMPERKAYAKAN SEJARAH TANAH AIR KITA, DENGAN ITU JUGA, TUGAS-TUGAS PROJEK RAKAMAN "TAPERECORDING" DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN CARA BERBESAR-BESARAN DAN CARA MELUAS, DIKAMPONG-KAMPONG, DIDESA-DESA DAN JUGA DI BANDAR-BANDAR.

9. BERBALIK KEPADA UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH INI, SEBAGAIMANA YANG TERMAKLUM, DARIPADA ACARA YANG DIEDARKAN, PANEL HAKIM KEBANGSAAN TELAH MEMUTUSKAN BAHAWA TIDAK ADA CALUN YANG LAYAK UNTUK MENERIMA 6 HADIAH DALAM BAHAGIAN UNIVERSITI DAN BAHAGIAN MAKTAB PERGURUAN DAN TINGKATAN ENAM. SAYA SAMA MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA PEMENANG-PEMENANG DALAM PERADUAN KARANGAN SEJARAH MALAYSIA TAHUN 1974. KEPADA PESERTA-PESERTA YANG KURANG BERNASIB BAIK, SAYA HARAP MEREKA JANGANLAH BERPUTUS ASA DAN CUBALAH LAGI DALAM PERADUAN-PERADUAN KARANGAN PADA TAHUN HADAPAN.

10. SABELUM MENUTUP UCAPAN INI, SAYA INGINLAH MERAKAMKAN TERIMA KASIH DAN PENGHARGAAN PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA KEPADA PIHAK LEE FOUNDATION, LEMBAGA LOTERI PERKHIDMATAN DAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, JABATAN PERDANA MENTERI DAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KERANA SUMBANGAN-SUMBANGAN MEREKA UNTUK MENYELENGGARKAN PERADUAN KARANGAN SEJARAH MALAYSIA 1974. TANPA BANTUAN ITU, PERADUAN INI TIDAK MUNGKIN DAPAT MENCAPAI KEJAYAAN YANG CEMERLANG.

II. AKHIR SEKALI, SAYA INGIN MENYAMPAIKAN RASA PENGHARGAAN KEPADA PENERUSI JAWATANKUASA UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH DAN SEMUA AHLI-AHLI JAWATANKUASANYA JUGA KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM PERADUAN INI ATAS KERJASAMA DAN USAHA MEREKA. MUDAH-MUDAHAN, PERADUAN KARANGAN SEJARAH MALAYSIA AKAN MENCAPAI KEJAYAAN YANG LEBIH BESAR LAGI PADA MASA HADAPAN.



